

Jawatankuasa selaras bantuan banjir ditubuh

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Kementerian Penerangan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mencapai kata sepakat untuk menubuhkan jawatankuasa bersama bagi menyelaras bantuan sektor korporat dan orang ramai kepada mangsa banjir.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin berkata, jawatankuasa itu diketuai Ketua Setiausaha kedua-dua kementerian, akan menyelaras bantuan terutama dalam bentuk khidmat masyarakat dan barangan untuk disalurkan kepada mangsa.

Beliau berkata, melalui jawatankuasa itu, swasta digembleng untuk menyediakan lebih banyak bantuan secara tersusun.

"Melalui jawatankuasa ini, rakyat

UM 9/1
juga dapat digembleng untuk menyediakan bantuan kepada mangsa banjir semasa mahu pun selepas berlaku bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Persediaan Menghadapi Banjir di pejabatnya di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Setiausahanya, Datuk Faizah Mohd. Tahir dan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Siti Balkish Shariff.

Menurut Zainuddin, maklumat terperinci mengenai mekanisme penyaluran bantuan yang akan dilaksanakan jawatankuasa berkenaan akan diumumkan Rabu ini.

Beliau berkata kerajaan melalui

pelbagai kementerian telah menunjukkan kesanggupan untuk mengatasi masalah banjir luar jangkauan seperti di Johor.

"Namun ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menafikan peranan kerajaan dalam hal ini. Kita berasa dukacita tentang perkara ini kerana jentera kerajaan sentiasa bekerja dan bukan bersikap tidak peduli terhadap apa yang berlaku," katanya.

Shahrizat pula berkata, inilah masanya untuk semua pihak bersama-sama menggembleng tenaga membantu kerajaan untuk membantu mangsa banjir.

Beliau berkata, perlu ada satu jawatankuasa di peringkat kerajaan bagi menyelaraskan bantuan yang ingin diberikan oleh pihak NGO, korporat, individu dan sukarelawan.